

23 FEB 2000

Dusuki-Pelantikan

PM MAHU MELAYU JADI CONTOH UMAT ISLAM, KATA DUSUKI

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Dusuki Ahmad yang hari ini dilantik Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menjadi contoh kepada umat Islam yang lain.

Katanya Perdana Menteri mahu orang Melayu menghayati tuntutan Islam sebenarnya serta menegakkan kebenaran.

"Jika kita bercakap Islam agama yang baik, tidak ada ertinya baik sekiranya penganut-penganutnya lemah dan mundur.

"Kita nak gambarkan kepada masyarakat umum seseorang Islam itu apabila dia beragama Islam, yang lemah menjadi kuat, yang jahil menjadi berilmu dan yang miskin menjadi kaya," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di rumahnya di Petaling Jaya petang ini.

Dusuki, 56, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, dilantik ke jawatan itu untuk mengisi tempat Senator Datuk Abdul Aziz Samsuddin yang kini menjadi Timbalan Menteri Pendidikan.

Dusuki, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir, berkata matlamat untuk meningkatkan martabat orang Melayu sebagai umat Islam merupakan matlamat sebenar perjuangan Dr Mahathir.

"Atas asas itulah apabila saya diajak untuk membantu beliau dalam hal ini, maka saya terima dengan senang hati, lebih-lebih lagi perkembangan semasa yang saya rasai diri saya terpanggil untuk ikut serta dalam perjuangan menegakkan kebenaran," katanya.

Dusuki berkata beliau amat gembira dan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menjadi Setiausaha Politik beliau.

"Sudah tentu jawatan itu memberi ruang kepada saya untuk membantu parti dan negara dalam menghadapi masalah sekarang dan akan datang. Saya merasai benar keikhlasan Dr Mahathir ingin memastikan bahawa Islam ini bukan sahaja agama yang benar tetapi juga agama yang dapat membangunkan bangsa dan negara," katanya.

Dusuki juga berkata Umno satu-satunya parti yang tidak dapati dipisahkan daripada orang Melayu dan Islam negara ini.

-- BERNAMA

AU MAI